

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SIRIM 1993
Lokasi : KAYANGAN BALLROOM, HOTEL HOLIDAY INN, SHAH ALAM,
Tarikh : 31-01-1994

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Bin Ali, Ketua Pengarah SIRIM, kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sijil-sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada Anggota Kerja SIRIM yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 1993. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg.

Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Bin Ali dan semua anggota kerja SIRIM yang telah berjaya memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1993.

Sebagai Pengerusi SIRIM saya sangat-sangat terharu di atas kejayaan ini kerana Anugerah ini adalah merupakan satu-satunya Anugerah yang tertinggi dalam Perkhidmatan Awam dan kejayaan ini merupakan sanjungan yang sangat bererti buat diri saya juga. Daripada "feed back" yang saya perolehi saya pasti tiada pihak mempertikaikan SIRIM memenangi Anugerah ini.

Memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri adalah merupakan idaman kepada semua organisasi dalam Perkhidmatan Awam. Untuk memenangi Anugerah ini sesebuah organisasi adalah dikehendaki membuktikan daya kepimpinan, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti yang berkualiti dan pencapaian prestasi yang cemerlang. Ini bermakna untuk memenangi Anugerah ini selain daripada mempunyai sistem pengurusan yang baik dan peralatan yang serba cukup, kepimpinan yang berkesan serta kecekapan dan sikap anggota kerja yang betul terhadap kerja adalah merupakan faktor terpenting. Saya percaya setelah memenangi Anugerah Kualiti ini, sekiranya anggota SIRIM dapat mengekal dan meningkatkan tahap perkhidmatan yang cemerlang seperti masa ini, hasrat SIRIM untuk menjadi sebuah institusi yang terkenal di dunia, khususnya di rantau ini pasti akan tercapai.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dianugerahkan khidmat cemerlang ini adalah merupakan anggota kerja yang terbaik dan terpilih daripada 1077 anggota kerja SIRIM yang lain.

Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan akan menjadi contoh teladan kepada anggota kerja yang lain untuk diteladani. Tuan-tuan dan puan-puan mestilah terus memastikan tahap prestasi yang sentiasa cemerlang.

Saya sedar usaha-usaha untuk meningkatkan tahap dan mengekal kecemerlangan prestasi di kalangan anggota kerja bukanlah suatu yang mudah dan bukan pula suatu yang mustahil untuk dicapai. Pembentukan budaya perkhidmatan cemerlang memerlukan penglibatan secara menyeluruh. Sekiranya semua peringkat anggota kerja dalam sebuah organisasi berazam dan percaya serta berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang, maka budaya perkhidmatan berkualiti akan wujud di negara ini.

Saya telah difahamkan tuan-tuan dan puan-puan yang berjaya menerima sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang hari ini adalah terdiri daripada anggota kerja yang telah dipilih dengan teliti iaitu melalui Panel Pemilihan dan juga Panel Pergerakan Gaji. Pemilihan ini adalah berasaskan prestasi kerja yang cemerlang dan juga berasaskan taburan dan pengagihan mengikut kumpulan anggota kerja dan lokasi tempat bertugas. Syabas kepada pihak pengurusan SIRIM yang telah mengadakan urusan pergerakan gaji berasaskan Sistem Baru Penilaian Prestasi seperti jadual yang ditetapkan iaitu diselesaikan sebelum akhir tahun yang berkenaan.

Suka saya mengingatkan di sini mengenai kefahaman konsep dan falsafah Sistem Baru Penilaian Prestasi ini.

Antara konsep itu adalah memberi penekanan kepada 'Pengurusan Prestasi'. Konsep ini berbeza dengan konsep 'Penilaian Prestasi' yang mementingkan amalan pentadbiran pada penghujung tahun. Sistem

baru ini menggunakan penilaian prestasi sebagai satu mekanisma pengurusan untuk membantu sesuatu jabatan itu melaksanakan tugasnya sebaik mungkin.

Ini dicerminkan melalui proses perundingan yang berterusan di antara Pegawai Penilai dan Pegawai Yang Dinilai dari segi sasaran kerja, standard kerja dan ukuran hasil kerja.

Proses ini dengan sendirinya akan mendorong semua aspek pelaksanaan tugas akan diteliti dan dikaji setiap masa dan sudah tentu akan menghasilkan perubahan dan peningkatan hasil kerja, di samping mewujudkan suasana harmoni dalam sesebuah jabatan atau agensi. Dengan yang demikian, saya sangat-sangat berharap anggota perkhidmatan awam khususnya Ketua- ketua jabatan memahami, menghayati serta melaksanakan Sistem Baru Penilaian Prestasi agar Perkhidmatan Awam kita lebih cekap dan berkualiti demi untuk memajukan lagi negara kita di masa hadapan.

Dalam usaha untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju di bidang perindustrian, keupayaan sektor swasta untuk memperolehi kelebihan bersaing (competitive edge) di pasaran antarabangsa adalah penting, terutamanya mengenai kualiti barangan dan perkhidmatan yang diberikan. Banyak ruang yang boleh dibaiki mengenai kualiti barangan dan perkhidmatan di sektor swasta negara ini. Sektor swasta hendaklah mempunyai 'mind set' yang berorientasikan pelanggan atau dengan kata lain hasil barangan atau perkhidmatan yang diberi, hendaklah memberi kepuasan kepada pelanggan. Sektor Awam seperti SIRIM yang terkenal dengan label kualiti dapat menolong dan memudahcara peningkatan kualiti di sektor swasta. Dalam hubungan ini saya suka menekankan terutamanya kepada Ketua-Ketua Jabatan supaya lebih responsif kepada kehendak yang timbul daripada perubahan-perubahan persekitaran sama ada di dalam atau di luar negeri.

Ketua-ketua Jabatan juga adalah dikehendaki untuk menentukan masyarakat perniagaan supaya mengamal dan menghayati nilai-nilai moral dan etika yang tinggi supaya kualiti barangan ataupun perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi kepuasan pelanggan dan bukan hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Keadaan ini boleh diwujudkan melalui penerapan nilai-nilai murni sama ada melalui pendidikan di sekolah atau di rumah atau memberi kefahaman kepada sektor swasta betapa pentingnya nilai murni bagi peningkatan kualiti dan memasukkan nilai-nilai tersebut sebagai sebahagian daripada etika kerja mereka.

Akhirkata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Anggota Kerja SIRIM yang telah dipilih untuk menerima sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada hari ini. Pada mereka yang telah mencapai kejayaan pada hari ini, saya berharap agar Anugerah yang telah diberikan akan menjadi dorongan untuk bekerja dengan lebih keras di masa akan datang. Saya juga berharap bahawa Anugerah ini akan menjadi pendorong kepada semua anggota kerja yang lain untuk sama-sama meningkatkan prestasi masing-masing bagi kebaikan SIRIM keseluruhannya.